

02/09/1998

Promosi Langkawi di peringkat sekolah

Wan Jailani Razak

SEORANG guru di sebuah sekolah menengah di Kota Bharu, Kelantan mencadangkan, pihak berkuasa terutama agensi pelancongan di Langkawi memperhebatkan promosi mengenai keistimewaan pulau legenda itu di peringkat sekolah.

Menurutnya, jika ini dapat dilakukan pada awal tahun, pihak sekolah dapat merancang percutian membawa pelajar melawat tempat bersejarah di pulau pelancongan itu untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai sejarah negara.

Kebanyakan promosi, katanya, terlalu ditumpukan di luar negara untuk menarik kehadiran lebih ramai pelancong asing menyebabkan pelancong tempatan seolah-olah tiada potensi pasaran.

Sedangkan, pihak sekolah sepatutnya memilih Langkawi ketika memikirkan cara paling bijak menjimatkan belanja tanpa melepaskan peluang untuk bercuti ketika ekonomi negara terjejas teruk.

"Biasanya pelajar yang menyertai Kuiz Perdana, mereka sering ditanya mengenai anugerah yang diterima Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada pemimpin di seluruh dunia. Jadi, Galeria Perdana di Langkawi adalah tempat paling tepat untuk dikunjungi," kata guru itu.

Memang benar, pulau bebas cukai ini perlu diletakkan dalam senarai teratas bagi pelajar yang ingin bercuti dan berehat bersama keluarga pada musim cuti persekolahan yang bermula minggu depan. Berkunjunglah ke Galeria Perdana untuk melihat koleksi cenderahati dan piala yang diterima Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Bukan itu saja, pengunjung boleh melawat Kompleks Kebudayaan Kraf di Teluk Yu, dan berpeluang menyaksikan pameran pelbagai kraftangan tempatan termasuk untuk dijual. Pengunjung juga tidak boleh melepaskan peluang melihat pelbagai jenis hidupan laut di Underwater World Langkawi, terbesar di Asia yang dibuka setiap hari, antara jam 10 pagi dan 6 petang.

Ketika ini pusat itu menawarkan diskaun sehingga 30 peratus sempena Hari Kebangsaan, Sukan Komanwel XVI dan cuti sekolah, berakhir 31 September ini.

Antara persoalan yang selalu menghingap benak pelancong di Langkawi ialah soalan penginapan. Bagaimanapun, orang ramai pasti tidak menghadapi sebarang masalah, apabila beberapa hotel terkemuka kini mengadakan promosi hebat.

Ikut saja rombongan lawatan ke mana-mana destinasi yang diatur pihak hotel dengan kadar berpatutan. Jika ingin bebas ke sana ke mari, anda boleh pergi ke beberapa destinasi popular termasuk belayar mengelilingi pulau, atau lawatan singkat ke Pulau Beras Basah, Pulau Singa Besar atau Pulau Dayang Bunting sendiri untuk menyaksikan keindahan yang ada.

Sehubungan itu, strategi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menonjolkan destinasi pelancongan tertentu, berbanding kaedah mempromosi Malaysia secara umum, wajar diteruskan.

Strategi seumpama itu pastinya dapat menarik lebih banyak pelancong asing, terutama di kalangan pencinta alam sekitar. Promosi Malaysia secara keseluruhannya tidak lagi berkesan kerana Malaysia sudah dikenali di seluruh dunia.

Apa yang ingin diketahui mereka ialah destinasi pelancongan kita seperti Langkawi. Ini adalah sumber tarikan yang dikenal pasti sangat berkesan di kalangan pelancong asing.

Pada masa yang sama, diharapkan pemilihan Langkawi sebagai lokasi

penggambaran klip video album terbaru Siti Nurhaliza yang bermula 25 Ogos lalu dapat mempromosi pulau ini kepada pelancong tempatan. Selamat datang ke Langkawi.

(END)